

ATLETIK

# Atlit para kongsi pengorbanan, mahu peluang sama bagi semua



**KONGSI PENGALAMAN:** (Dari kiri) Toh Wei Soong disertai rakan perenang para Wong Zhi Wei, dan seorang ibu perenang para autistik, Ferin Fu. – Foto BORNEO MOTORS (SINGAPORE)

► **ANISA ABDULLAH**  
bhgah@sph.com.sg

“KAMI bukan kurang upaya. Kami berlainan upaya.”

Kata-kata perenang para nasional, Toh Wei Soong, 21 tahun, itu merangkumi matlamatnya mahu mewujudkan masyarakat inklusif dan memberi peluang sama buat semua orang.

Wira Toyota ‘Start Your Impossible’ (SYI) itu telah berkongsi tentang projeknya bertajuk ‘Equality of Opportunity’ serta perjalanannya setakat ini di Dialog Berenang Para yang pertama.

Dialog itu dianjurkan Borneo Motors (Singapura) – pengedar eksklusif dan peruncit sah bagi Toyota dan Lexus di Singapura – dan Majlis Sukan Kurang Upaya Singapura (SDSC) pada Sabtu lalu di Hab Sukan Singapura.

Toh, yang didiagnosis ketika berusia dua tahun dengan penyakit *transverse myelitis* iaitu keradangan saraf tunjang yang menyekat penggunaan kakinya, disertai rakan perenang para yang dilahir buta di mata kanan dan penglihatan terhad di mata kiri, Wong Zhi Wei, 17 tahun, dan ibu kepada perenang para autistik, Nicole Fu, Ferin Fu.

Menurut pengalaman peribadinya, kebanyakan

masyarakat Singapura masih menganggap atlit para dan atlit biasa sebagai dua golongan berasingan.

Walaupun beliau mengakui ada perbezaan dari segi pendekatan, status mereka sebagai atlit adalah sama.

“Proses penyediaan dari segi usaha dan pengorbanan kesemuanya serupa,” ujar Toh berdepan dengan hampir 20 perenang para dan keluarga mereka.

Contoh usahanya adalah sesi latihan sebanyak sembilan kali dan sesi gim sebanyak empat kali seminggu.

Toh biasanya berlatih dua kali sehari dari 5.30 pagi hingga 7.15 pagi, dan dari 4.15 petang hingga 7.15 malam.

Beliau sudah biasa mengubah hidupnya sebagai seorang pelajar sepenuh masa dan seorang atlit sejak mula berenang secara kompetitif pada usia 13 tahun.

Usaha gigihnya ternyata berhasil.

Dalam masa hampir lapan tahun, Toh sudah meraih satu pingat perak di Sukan Para Belia Asia 2013; lima pingat emas dan dua pingat perak di Sukan Para Asean 2015 dan 2017; satu pingat gangsa di Sukan Komanwel 2018; serta dua pingat emas dan satu pingat gangsa di Sukan Para Asian 2018.

Ramai menetapkan harapan

tinggi ke atasnya untuk mencapai kemenangan di Kejohanan Renang Dunia Para di London pada bulan lepas walau akhirnya Toh kembali tanpa sebarang pingat.

Namun, beliau berjaya melayakkan diri bagi tiga peringkat akhir, sesuatu pencapaian terpuji buat percubaannya yang pertama di peringkat antarabangsa.

Mahasiswa sarjana muda tahun pertama dan pemegang biasiswa dalam program Falsafah, Politik, dan Ekonomi (PPE) di Universiti Nasional Singapura (NUS) itu yakin pengalaman tersebut membantunya mengenal pasti kesilapan sebelum penampilan sulungnya di Paralimpik Tokyo 2020.

“Ternyata kesilapan itu bukan yang saya ingin buat, tetapi mereka kesilapan yang saya perlu buat demi menjadi perenang lebih baik dan mampu pergi lebih jauh dalam sukan saya.

“Saya gembira kerana masih punya sedikit masa untuk membetulkan kesilapan itu serta jurulatih yang bertekad memastikan saya tidak mengulanginya pada masa yang paling penting,” kata Toh semasa temu bual bersama Berita Harian selepas tamat Dialog Berenang Para.

► *Anisa Abdullah seorang penulis sambilan.*